

Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar melalui Badan Beruniform di Universiti Kebangsaan
Malaysia
(*Building Students Soft Skills through Uniform Bodies in Universiti Kebangsaan Malaysia*)

NORAZILA MAT, MUHAMMAD SYAQIF NOORDIN, NUR ATIQAH ABDULLAH, NAZRI
MUSLIM & JAMSARI ALIAS

ABSTRAK

Golongan mahasiswa yang menuntut di universiti merupakan aset penting kepada pembangunan dan hala tuju sesebuah negara. Justeru itu, mahasiswa yang dilahirkan oleh universiti perlu memiliki personaliti yang hebat dan berketrampilan. Salah satu usaha yang dapat membantu pembangunan ketrampilan pelajar adalah penglibatan mereka di dalam badan beruniform. Kertas ini ditulis untuk mengkaji keberkesanan badan beruniform dalam membentuk kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan pelajar yang menyertai badan beruniform terhadap kemahiran insaniah yang terbentuk sepanjang mereka berada dalam badan beruniform tersebut. Seterusnya, kajian ini dilakukan bagi menilai elemen-elemen kemahiran insaniah yang berjaya disemai dalam penglibatan badan beruniform. Seramai 120 orang pelajar yang menyertai badan beruniform dipilih sebagai responden kajian. Analisis data yang bersifat kuantitatif, mendapati terdapat lima elemen kemahiran insaniah yang dapat dibentuk sepanjang menyertai badan beruniform. Antara elemen kemahiran insaniah tersebut adalah kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan dan etika dan moral profesional. Kajian ini seterusnya membuktikan bahawa penyertaan pelajar dalam badan beruniform dapat membentuk kemahiran insaniah dalam kalangan diri mereka.

Kata Kunci: kemahiran insaniah, mahasiswa, badan beruniform, UKM.

ABSTRACT

Students pursuing their studies in universities are important asset to the country, at present and the future. Therefore, university graduates should possess good and competent personalities. In order to produce these students with excellent and competent personalities, their participations in uniformed bodies is believed among an important ingredient. This paper is based on a study conducted to determine the effectiveness of the uniformed bodies in building the soft skills among students at The National University of Malaysia. In particular, this study aims to determine the views of students participating in the uniformed bodies of what elements of soft skills that nurtured during their involvements in the uniformed bodies. Next, this study was conducted to assess the elements of soft skills that are inculcated after joining the uniformed bodies. A total of 120 students were selected to participate as respondents. Data is quantitative based and the analysis found that there are five elements of soft skills that can be traced when joining the uniformed bodies. Among the elements of soft skills are communication skills, teamwork, critical thinking and problem solving, leadership skills and profesional ethics and moral. This study proves that students' participations in uniformed bodies could lead in nurturing the soft skills within themselves.

Keywords: soft skills, students, uniformed bodies, UKM.

PENGENALAN

Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan mahasiswa yang berkualiti. Institusi pendidikan bukan sahaja tempat untuk menimba ilmu tetapi ia juga tempat untuk membentuk keterampilan dan personaliti mahasiswa yang menarik. Mahasiswa dididik untuk menjadi pemimpin supaya dapat membangunkan negara kearah negara maju dan harmoni. Mereka perlu memiliki keterampilan, sahsiah dan jati diri yang baik agar negara dapat melahirkan generasi muda yang cemerlang. Di universiti, terdapat banyak platform yang boleh mahasiswa gunakan untuk meningkatkan keterampilan dan personaliti mereka. Antaranya kelab kelab persatuan, pertubuhan dan badan uniform di universiti yang menyediakan ruang kepada pelajar untuk membentuk kemahiran insaniah mereka. Badan beruniform merupakan salah satu platform yang sering digunakan oleh universiti untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

Kemahiran insaniah amat penting kepada pelajar kerana kemahiran ini memberikan nilai tambah dalam pencapaian pelajar secara keseluruhan. Kebanyakan organisasi memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah yang cemerlang untuk bekerja di syarikat mereka. Oleh itu, mahasiswa perlu membentuk kemahiran insaniah mereka dari universiti lagi supaya dengan kemahiran ini mereka akan mudah menyesuaikan diri dengan pekerjaan apabila mereka sudah menamatkan pengajian kelak. Kebanyakan mahasiswa sukar mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian kerana mereka lemah dalam kemahiran insaniah walaupun mempunyai pencapaian akademik yang baik.

Kebanyakan individu berpendapat organisasi badan beruniform memainkan peranan yang penting dalam pembentukan personaliti pelajar yang baik di IPTA. Mohd Salleh et al (2010), menjelaskan bahawa kemahiran insaniah merupakan kemahiran tertentu yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk digunakan semasa melakukan pekerjaan yang melibatkan kemahiran-kemahiran khusus dan ianya boleh berkembang melalui proses tumbesaran, kematangan dan penuaan (Megat Zakaria 2007). Maksud personaliti pelajar yang baik dalam konteks kajian ini adalah pelajar yang mempunyai ciri-ciri pelajar yang serba boleh dan pelbagai. Badan beruniform di setiap IPTA yang ada ini dikatakan telah mempunyai satu budaya yang mampu memberi garis panduan kepada setiap anggotanya bertingkah laku dengan baik. Universiti sebagai IPT harus menjadi platform yang paling sesuai untuk membentuk kemahiran insaniah pelajar (Allan & Clarke 2007; Ballantine & Larres 2007; Biggs, 2003;

Dunne, Bennett, & Carré 2000; Jager & Nassimben 2005; Lizzio & Wilson 2004; Lublin 2003; Siti Rahayah, Rodiah & Noriah 2008).

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui adakah badan beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seperti PALAPES, Kor SUKSIS dan Kor SISPA dapat memberikan kesan ke atas pembentukan kemahiran insaniah bagi pelajar-pelajar yang terlibat dengan badan beruniform tersebut. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan badan beruniform membentuk kemahiran insaniah pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Khususnya, objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengetahui faktor-faktor yang mendorong pelajar menyertai badan beruniform di UKM.
2. Untuk mengkaji elemen-elemen dalam kemahiran insaniah yang dapat dibentuk apabila menyertai badan beruniform di UKM.

TINJAUAN LITERATUR

Badan beruniform ialah satu organisasi yang terdiri daripada gabungan keahlian dan mempunyai dasar-dasar tertentu untuk diikuti dan dipatuhi. Menurut Robbins (1999), organisasi merupakan satu aktiviti kolektif yang dirancang oleh dua orang atau lebih yang mengandungi pembahagian buruh dan autoriti berhierarki untuk mencapai matlamat bersama. Organisasi adalah satu sistem sosial yang merangkumi pelbagai aktiviti manusia seperti sumber semula jadi, modal dan bahan. Jaafar Muhamad (2003) pula mendefinisikan organisasi sebagai kumpulan dua orang atau lebih yang melakukan kerja bersama-sama secara berkoordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau objektif.

Tahir dan Othman (2010) menyatakan bahawa dengan menyertai badan beruniform, pelajar-pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur-unsur intelek yang akan dapat membantu pelajar memiliki keyakinan tinggi dalam membuat keputusan. Di samping itu, badan beruniform menerapkan beberapa elemen penting seperti disiplin sendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreatif, inovasi, dan kecintaan kepada alam semula jadi. Badan beruniform ini juga boleh dijadikan alat untuk pembentukan semangat kewarganegaraan, kesetiaan kepada bangsa dan negara serta integrasi nasional. Mohktar et al (1999) ada menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum amat penting dalam membentuk sahsiah, perkembangan bakat, minat dan rohani pelajar. Ab Alim (1999) pula ada menyatakan bahawa kokurikulum adalah aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah yang menekankan

aspek aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan dan kepimpinan.

Menurut Mat Assain & Mat Safar (2011), kemahiran insaniah ialah kemahiran yang sering kita gunakan dalam kehidupan seharian namun kebanyakan orang tidak menyedari yang kita telah mengamalkan dan menerapkan kemahiran tersebut dalam kehidupan kita. Manakala Mansor (2008) menyatakan bahawa kemahiran insaniah merupakan aspek yang sangat dititikberatkan oleh majikan dalam bidang industri dan program-program latihan. Dawe (2002) pula menyatakan kemahiran insaniah turut dikenali dengan istilah-istilah lain yang berbeza antaranya adalah *soft skills, behavioural skills, enterprise skills, key competencies, core skills, employability skills dan people skills*.

Kearns (2001) menerangkan kemahiran insaniah berguna untuk diguna pakai dalam pelbagai jenis pekerjaan. Kemahiran insaniah merangkumi semua kemahiran berkaitan pekerjaan termasuklah *key competencies* atau *key skills*, kognitif, personal dan kemahiran interpersonal. Menurut Imel (1999), antara kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh pekerja dan bakal pekerja ialah mengetahui cara untuk belajar, kemahiran membaca, menulis dan komputer, kemahiran komunikasi lisan dan mendengar dengan berkesan, berkebolehan dalam pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, pengurusan personal dengan penuh keyakinan dan berdaya usaha, kemahiran interpersonal, kepimpinan berkesan, bekerja dalam kumpulan dan mempunyai pengetahuan asas teknologi.

Terdapat lima elemen utama kemahiran insaniah yang sering digunakan oleh para penyelidik dalam kajian mereka iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, etika dan moral profesional dan juga kemahiran kepimpinan (Musa & Esa 2011; Esa & Jamaludin 2009; Idris, Ariffin & Mohd Ishak 2009).

Menurut Fiske (1990), komunikasi adalah proses menyampaikan pesanan bagi mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran orang lain yang merangkumi pertukaran idea-idea meliputi pembelajaran mengenai teks dan budaya. Komunikasi merupakan proses pertukaran maklumat antara dua orang atau lebih bagi menambahkan lagi kefahaman tentang sesuatu perkara (Rogers 1995). Price (1997) pula menyatakan bahawa komunikasi ialah satu proses penghantaran maklumat daripada suatu sumber ke suatu sumber yang lain yang melibatkan manusia melalui interaksi untuk perkongsian situasi atau melalui konteks percakapan. Komunikasi adalah satu proses yang boleh dijangkakan berdasarkan pesanan yang dihantar atau yang diterima. Menurut Euson (2007), komunikasi merupakan aspek

dan elemen paling penting dalam sesebuah organisasi bagi mengukuhkan hubungan dalam organisasi.

Komunikasi amat penting supaya proses pertukaran dan perkongsian pengetahuan, kemahiran dan kebolehan dapat dilaksanakan yang dapat memberi banyak manfaat kepada pengajar dan pelajar (Berscheid 1994; Fiske 1990; Young & Perrew 2000). Menurut Ee (1996), Hassan & Mohd. (2000), Idris et al (2008), dan Buntat & Hassan (2010), komunikasi adalah penting dalam proses kehidupan manusia dan ianya meliputi komunikasi lisan yang melibatkan proses pemindahan maklumat atau idea secara lisan daripada seorang individu kepada individu yang lain, dan juga komunikasi bukan lisan yang merupakan komunikasi melalui penyampaian mesej secara gerak isyarat atau bahasa badan.

Kemahiran kerja berpasukan adalah kebolehan untuk melaksanakan sesuatu tugas atau kerja dengan dua atau lebih orang untuk mencapai matlamat yang sama (Gallie, Zhou, Felstead & Green 2012). Menurut Azlan, Raja & Shahrudin (2011) kemahiran kerja berpasukan ditakrifkan sebagai kebolehan melakukan kerja dengan orang lain yang berbeza latar belakang sosio budaya untuk mencapai matlamat yang sama. Alhabshi (2009) pula menyatakan bahawa budaya kerja berpasukan berpandukan sistem nilai yang dipegang oleh pegawai dan kakitangan dalam sesebuah organisasi. Bidin (2007) menyokong kenyataan yang dikeluarkan oleh Alhabshi dengan menyatakan bahawa kerja berpasukan merupakan kerjasama antara pengurus atau ketua jabatan dengan kakitangan dalam organisasi. Pengurus atau ketua jabatan akan merancang dan segala perancangan akan dilaksanakan oleh kakitangan dengan baik.

Menurut Abd. Aziz (2003), kerja berpasukan adalah beberapa individu yang dikumpulkan dalam kumpulan untuk melaksanakan tugas tertentu yang mempunyai kompetensi yang berbeza sama ada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan. Lekic *et al.* (2011) berpendapat terdapat dua aspek penting untuk membentuk pasukan yang bagus dalam sesebuah organisasi iaitu membentuk satu pasukan dengan cara yang betul dan keperluan persekitaran yang mencukupi semasa melaksanakan kerja dalam pasukan. Kemahiran kerja berpasukan merupakan gabungan individu dalam sesebuah organisasi yang bersama-sama melakukan kerja bagi mencapai matlamat kumpulan (Saadan *et al* 2011). Asiah, Syed & Azizi (2011) pula mendefinisikan kemahiran kerja berpasukan sebagai suatu kebolehan melaksanakan tugas bersama orang lain yang mempunyai perbezaan dari segi latar belakang sosio budaya untuk mencapai matlamat yang sama.

Kemahiran berfikir kritikal dan menyelesaikan masalah merupakan salah satu elemen dalam kemahiran insaniah yang boleh mempengaruhi tahap pencapaian kurikulum pelajar (Trueman & Hartley 1996). Fischer dan Scriven (1997) pula menyatakan bahawa pemikiran kritikal ialah proses mentafsir dan menilai sesuatu perkara, maklumat atau hujahan yang diperoleh atau yang diperhatikan. Kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi mempunyai asas kemahiran insaniah yang baik tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk mengembangkan dan menggunakan kemahiran insaniah tersebut dalam kehidupan mereka sebagai pelajar (Lowe & Cook 2003; Richardson 2003).

Menurut Gary Yukl (2001), kemahiran kepimpinan dapat dibentuk apabila seseorang individu itu dapat melaksanakan tugas sebagai ketua kumpulan atau orang yang memimpin dengan baik dan teratur. Dalam konteks kokurikulum, kemahiran kepimpinan merupakan elemen kemahiran insaniah yang dipupuk apabila melibatkan aktiviti atau program gerak kerja luar yang memerlukan seorang ketua dari kalangan pelajar untuk mengetuai aktiviti tersebut supaya aktiviti atau program tersebut dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Helen M. Gunter (2001) menyokong pendapat ini dengan menyatakan bahawa penyertaan seseorang individu dalam aktiviti kokurikulum akan dapat membentuk kemahiran kepimpinan dalam diri mereka kerana telah berorganisasi dan mempunyai matlamat untuk dicapai. Dalam kajian yang dilakukan oleh Deborah Hopen (2002) menunjukkan bahawa aktiviti atau program luar yang disertai oleh pelajar dapat memberi kesan terhadap pembentukan ciri-ciri kepimpinan dalam diri mereka. Kepimpinan juga boleh didefinisikan dalam pendidikan sebagai kebolehan mempengaruhi, memotivasikan, mengubah sikap dan kelakuan pekerja seperti guru, staf dan pelajar supaya menjalankan aktiviti atau program yang telah dirancang untuk mencapai matlamat sekolah (Yahya Don 2005).

Fooi (2005) menjelaskan bahawa etika berasal dari perkataan Greek iaitu ethos yang memberi makna budaya atau keperibadian. Etika adalah keupayaan seseorang untuk menilai sesuatu perkara sama ada perkara tersebut betul atau salah dan seterusnya melakukan perkara yang betul (Hassan, Silong & Muslim 2009). Kamri (2008) pula menyatakan bahawa etika sebagai perwatakan, tingkah laku dan sekumpulan prinsip moral yang mempengaruhi kelakuan seseorang individu. Beliau juga mendefinisikan etika sebagai suatu set nilai, norma serta asas moral yang menentukan dan membezakan sama ada sesuatu perkara yang dilakukan itu betul atau salah, baik atau buruk. Secara ringkasnya, etika adalah satu pengamalan asas moral yang terdiri daripada kelakuan atau tindakan yang betul dalam

kehidupan. Menurut Johari (2001), etika profesional merupakan suatu alat kawalan sosial terhadap golongan profesional dari pelbagai bidang profesion bagi mengawasi dan menilai tingkah laku mereka yang dilakukan oleh organisasi dan masyarakat.

Moral pula berasal dari perkataan Latin iaitu moralis yang bermaksud adat, budi pekerti atau adab (Fooi 2005). Moral yang baik ialah suatu tingkah laku yang baik yang merangkumi nilai adat dan aspirasi yang telah diterima dalam sesebuah masyarakat dalam menentukan kehidupan individu dan masyarakat (Banhrin, Elias & Abd. Hamid 2003). Norma-norma moral merupakan penentuan sama ada sikap dan tindakan seseorang individu itu betul atau salah. Perkembangan moral pula adalah suatu proses pengamalan nilai-nilai atau kelakuan yang diterima dalam sesebuah masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif bagi mengenalpasti penglibatan pelajar di UKM dalam badan beruniform. Menurut Wiersma (1995) kaedah ini merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi, pencapaian dan penglibatan sesuatu perkara. Bentuk deskriptif juga digunakan sejajar dengan keperluan kajian iaitu untuk melihat sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting 1990). Maka, satu set soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji berasaskan kajian literatur untuk mencapai objektif kajian. Tuckman (1999) pula menegaskan bahawa soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden.

Populasi kajian ini adalah kalangan pelajar pelajar di UKM. Kekangan kewangan dan masa menghalang penyelidik untuk melakukan kajian di atas seluruh pelajar UKM, terutamanya yang melibatkan diri dalam badan beruniform. Maka, pemilihan sampel telah dibuat melalui kaedah pensampelan berkelompok. Untuk menentukan bilangan responden, Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan. Saiz sampel bagi kajian ini ialah 120 berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Sampel yang dipilih terdiri daripada 120 orang responden terdiri daripada tiga badan beruniform utama di UKM iaitu PALAPES, KorSUKSIS dan KorSISPA. Setiap badan beruniform diambil 40 orang pelajar sebagai respondennya.

Dua pakar telah menyemak kebolehpercayaan instrumen soal-selidik ini. Kebolehpercayaan merujuk

kepada kestabilan dan ketekalan dalam instrumen dalam mengukur sesuatu konsep. Ujian yang popular dan sering digunakan dalam mengukur ketekalan dalam sesuatu konsep ialah Alpha Cronbach. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah antara 0.0 hingga 1.0. Menurut Mohd Majid (1990), nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sering diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sebagai nilai kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik yang diuji. Seterusnya, untuk menentukan nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik yang telah disediakan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis.

Tinjauan rintis dibuat bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kelebihan yang terdapat dalam soal selidik yang disediakan. Oleh itu, sebelum soal selidik diedarkan, 20 orang pelajar telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu. Hasil yang didapati menunjukkan 20 orang pelajar tersebut tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan

soalan tersebut. Seterusnya, dengan menggunakan program SPSS, versi 21, penyelidik telah mengira nilai kebolehpercayaan dan nilai Alpha Cronbach. Didapati nilai Alpha Cronbach yang diperoleh bagi kesemua item soalan adalah melebihi 0.6. Oleh itu, soal selidik yang dibina untuk menjalankan kajian ini adalah sesuai digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Jadual 1 di bawah menunjukkan profil keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian berdasarkan jenis badan beruniform, jantina, bangsa, umur, dan fakulti. Untuk kajian ini responden adalah daripada 3 badan beruniform utama di UKM yang dipilih secara rawak seramai 40 pelajar bagi mewakili setiap badan beruniform.

JADUAL 1: Profil Responden Kajian

Item	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	60	50 %
Perempuan	60	50 %
Bangsa		
Melayu	111	92.5 %
Cina	0	0 %
India	6	5.0 %
Lain-lain	3	2.5 %
Umur		
19 tahun kebawah	5	4.2 %
20-22 tahun	106	88.3 %
23-25 tahun	8	6.7 %
26 tahun keatas	1	0.8 %
Fakulti		
FEP	22	18.3 %
FST	37	30.8 %
FSSK	23	19.2 %
FPI	5	4.2 %
FPEND	1	0.8 %
FTSM	8	6.7 %
FKAB	17	14.5 %
FSK	7	5.8 %
Badan Beruniform		
PALAPES	40	33.3 %
KorSUKSIS	40	33.3 %
KorSISPA	40	33.3 %

Jumlah pelajar lelaki dan wanita adalah seimbang dengan 92.5% adalah pelajar Melayu dan selebihnya daripada pelbagai bangsa. Majoriti pelajar

adalah berumur antara 20 hingga 22 tahun (88.3%) dengan pelajar dari gugusan sastera dan sains mewakili peratusan yang hampir seimbang.

JADUAL 2: Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar menyertai badan beruniform

Rank	Item	Kekerapan (%)				
		1	2	3	4	5
1	Untuk membentuk kemahiran insaniah	3(2.5)	0(0.0)	11(9.2)	57(47.5)	49(40.8)
2	Untuk meningkatkan disiplin diri.	3(2.5)	0(0.0)	18(15.0)	51(42.5)	48(40.0)
3	Minat terhadap badan beruniform.	7(5.8)	5(4.2)	14(11.7)	64(53.3)	30(25.0)
4	Untuk mengisi masa lapang.	22(18.3)	5(4.2)	12(10.0)	47(39.2)	34(28.3)
5	Menyertai badan beruniform kerana dapat elaun	12(10.0)	14(11.7)	25(20.8)	40(33.3)	29(24.2)
6	Pengaruh rakan-rakan untuk menyertai badan beruniform	15(12.5)	26(21.7)	18(15.0)	38(31.7)	23(19.2)
7	Pengaruh keluarga yang mendorong pelajar menyertai badan beruniform	10(8.3)	35(29.2)	32(26.7)	36(30.0)	7(5.8)

Faktor Pendorong Menyertai Badan Beruniform

Jadual 2 di atas menunjukkan pandangan responden tentang faktor-faktor pelajar menyertai badan beruniform. Lima item pada skala likert 1 hingga 5 digunakan iaitu skala (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju. Dalam kajian ini, item-item dalam faktor-faktor yang mendorong pelajar menyertai badan beruniform yang dikaji adalah pengaruh rakan-rakan, pengaruh keluarga, untuk mengisi masa lapang, faktor elaun, minat, untuk meningkatkan disiplin diri dan untuk membentuk kemahiran insaniah.

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan hasil dapatan kajian mengikut ranking yang disusun berdasarkan kekerapan persetujuan responden dengan sesuatu faktor. Kekerapan ini mengambil kira skala 4 dan 5 yang mewakili pernyataan setuju dan sangat setuju dengan sesuatu pernyataan faktor yang diuji. Dapatan ranking atau urutan ini menunjukkan bahawa:

Faktor pertama yang paling mempengaruhi responden menyertai badan beruniform adalah berkaitan faktor untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Kebanyakan pelajar menyatakan setuju

iaitu seramai 57 orang responden atau sebanyak 47.5 peratus. Terutamanya dengan adanya penambahan unit kredit yang perlu diambil oleh pelajar sebelum tamat penjurangan bagi memenuhi keperluan pembangunan insan maka faktor tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi keputusan kajian ini. Ini menunjukkan badan beruniform menjadi salah satu platform pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah mereka.

Faktor kedua yang paling mempengaruhi responden menyertai badan beruniform adalah faktor untuk meningkatkan disiplin diri, seramai 48 orang responden atau sebanyak 40 peratus menjawab sangat setuju. Hal ini tidak dapat disangkal kerana badan beruniform amat terkenal sebagai aktiviti yang sangat menitik beratkan aspek disiplin bagi ahlinya. Faktor ketiga pula yang paling mempengaruhi responden menyertai badan beruniform adalah faktor minat pelajar terhadap badan beruniform. Kekerapan pelajar yang menjawab sangat setuju adalah seramai 30 orang atau sebanyak 25 peratus. Minat ini antara lainnya disebabkan uniform yang wajib dipakai bagi setiap ahli pada hari-hari tertentu dalam seminggu sedikit sebanyak menonjolkan kelainan dan jati diri sebagai ahli beruniform.

Seterusnya, faktor keempat yang paling mempengaruhi responden menyertai badan beruniform adalah faktor untuk mengisi masa lapang. Majoriti pelajar menjawab setuju iaitu seramai 47 orang responden atau sebanyak 39.2 peratus. Selain daripada memenuhi keperluan kredit ada yang terlibat sebagai satu hobi bagi mengisi masa. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menyertai badan beruniform untuk mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Faktor kelima pula ialah faktor elaun. Seramai 40 orang responden atau sebanyak 33.3 peratus menyatakan setuju. Bagi yang menyatakan sangat setuju pula adalah seramai 29 orang responden atau seramai 24.2 peratus. Elaun yang diberikan dapat membantu menampung kewangan pelajar semasa di universiti. Ini menunjukkan bahawa faktor elaun dapat mempengaruhi pelajar untuk menyertai badan beruniform.

Faktor keenam adalah faktor pengaruh rakan-rakan untuk menyertai badan beruniform. Kebanyakan responden menjawab setuju iaitu seramai 38 orang responden atau sebanyak 31.7 peratus. Seramai 15 orang responden atau sebanyak 12.5 peratus menjawab sangat setuju. Kajian ini tidak dapat menerangkan dengan jelas tentang penyebab bagi setiap pemilihan yang dibuat oleh responden. Faktor terakhir yang mempengaruhi responden menyertai badan beruniform adalah faktor pengaruh keluarga yang mendorong pelajar menyertai badan beruniform. Hanya seramai 36

orang responden atau sebanyak 30 peratus menjawab setuju. Bagi yang menjawab sangat setuju adalah seramai 7 orang responden atau 5.8 peratus. Faktor ini kurang kerana tidak ramai di kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dengan badan beruniform. Ini menunjukkan responden yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju lebih ramai daripada responden yang menjawab setuju dan sangat setuju. Oleh itu, faktor pengaruh keluarga kurang mempengaruhi pelajar menyertai badan beruniform.

Faktor Penyertaan mengikut Badan Beruniform

Jadual 3 dan 4 di bawah menunjukkan faktor-faktor penglibatan pelajar dalam menyertai badan beruniform mengikut jenis badan beruniform iaitu PALAPES, KorSUKSIS dan KorSISPA. Berdasarkan Jadual 3, responden dari PALAPES merupakan responden yang paling banyak menyatakan bahawa badan beruniform mereka berperanan untuk membentuk kemahiran insaniah mereka di ikuti oleh Kor SUKSIS dan Kor SISPA di tempat kedua dan ketiga. Manakala bagi faktor meningkatkan disiplin pula responden dari KorSISPA adalah yang paling tinggi bersetuju dengan pernyataan tersebut. Di ikuti oleh badan beruniform Kor SUKSIS dan PALAPES. Manakala faktor minat dengan badan beruniform tersebut, responden dari badan KorSISPA

JADUAL 3. Faktor penyertaan untuk membentuk kemahiran insaniah, meningkatkan disiplin dan minat mengikut badan beruniform yang berbeza

Badan Beruniform	Kemahiran Insaniah	Meningkat Disiplin	Minat
	Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan
PALAPES	39	31	30
Kor SUKSIS	34	33	33
Kor SISPA	33	35	31
Jumlah	106	99	94

Jadual 4 pula menunjukkan keputusan penglibatan responden dengan badan-badan beruniform yang tertentu berdasarkan kepada faktor seperti mengisi masa lapang, elaun, pengaruh rakan dan pengaruh keluarga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 34 responden menyatakan mereka menyertai badan beruniform PALAPES bertujuan untuk mengisi masa lapang iaitu tertinggi berbanding daripada maklumbalas bagi responden dalam lain-lain badan beruniform yang dikaji. Manakala tarikan terhadap

elaun yang dibayar bagi penyertaan dalam badan beruniform maka responden dari badan Kor SUKSIS mendapat undian yang tertinggi. Begitu juga dengan faktor pengaruh rakan sebaya badan Kor SUKSIS juga mendapat skor yang tertinggi. Apa yang jelas berdasarkan kajian ini bagi setiap badan uniform yang dikaji mendapati bahawa faktor pengaruh keluarga amat kurang mendominasi keputusan penglibatan responden dengan badan beruniform yang mereka sertai.

JADUAL 4. Faktor penyertaan untuk mengisi masa lapang, elaun, pengaruh keluarga dan pengaruh rakan sebaya berdasarkan badan beruniform

Badan Beruniform	Mengisi Masa Lapang	Elaun	Pengaruh Rakan	
	Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan	Pengaruh Keluarga Kekerapan
PALAPES	34	22	16	11
Kor SUKSYS	22	26	28	16
Kor SISPA	25	21	17	16
Jumlah	81	69	61	43

Kemahiran Insaniah Yang Dapat Dibentuk Dengan Menyertai Badan Beruniform.

Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan Skala Pengukuran

Jadual 5 menunjukkan keputusan ujian kesahan dan kebolehpercayaan pembolehubah kajian. Item-item yang mempunyai nilai analisis faktor 0.40 atau lebih besar adalah dianggap mencapai tahap kesahan yang tinggi (Hair, et. al., 1998). Prosedur Cronbach Alpha digunakan untuk menentukan sejauhmana skala pengukuran adalah bebas daripada kesilapan rawak. Ini dapat menunjukkan keputusan kajian yang konsisten. Nilai Cronbach Alpha lebih daripada 0.63 untuk setiap kumpulan item, menandakan bahawa tahap kebolehpercayaan secara relatifnya adalah tinggi (Nunnally & Bernstein, 1994).

Keputusan Ujian Hipotesis

Keputusan dalam Jadual 6 hingga Jadual 10 adalah bagi membincangkan hasil keputusan kolerasi bagi menjawab hipotesis mengenai hubungan antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan faktor kemahiran insan iaitu i) kemahiran komunikasi ii) Kerja berpasukan iii) pemikiran kritis dan penyelesaian masalah iv) kepimpinan v) etika dan moral profesional.

H1: Terdapat perkaitan yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran komunikasi pelajar.

Keputusan dari analisa korelasi di antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran komunikasi adalah signifikan ($r = .925$; $p = 0.001$ i.e. $< .05$). Keputusan korelasi dalam jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat satu hubungan yang signifikan positif di antara kedua pembolehubah iaitu skor penglibatan pelajar dalam badan beruniform

dengan skor pembentukan kemahiran komunikasi. Ini dapat disimpulkan bahawa melalui penglibatan dalam badan beruniform kompetensi komunikasi pelajar akan tertingkat. Justeru itu H1 diterima. Ini selaras dengan keputusan kajian Euson (2007), dimana komunikasi dapat ditingkatkan melalui penglibatan dalam organisasi yang merupakan elemen penting untuk mengukuhkan hubungan dalam organisasi.

H2: Terdapat perkaitan yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran kerja berpasukan pelajar.

Hasil daripada analisa korelasi dalam jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat satu hubungan yang signifikan positif di antara kedua pembolehubah iaitu skor penglibatan pelajar dengan badan beruniform dengan skor pembentukan kemahiran kerja berpasukan. Korelasi di antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran kerja berpasukan adalah signifikan ($r = .560$; $p < .05$). H2 diterima. Dapatan ini menyokong kajian oleh Syarifah Mariam Syed Akil (2007) yang menyatakan bahawa melalui aktiviti kokurikulum, pelajar dari pelbagai lapisan bangsa dan agama bersatu dan membantu antara satu sama lain dalam menjalankan aktiviti kokurikulum secara bersama.

H3: Terdapat perkaitan yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah dalam diri pelajar.

Hasil keputusan korelasi di antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah adalah signifikan ($r = .804$; $p < .05$). Keputusan korelasi dalam jadual 8 menunjukkan bahawa terdapat satu hubungan yang signifikan positif di antara kedua pembolehubah iaitu skor penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan skor pembentukan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

JADUAL 5: Keputusan Ujian kesahan dan Kebolehpercayaan Pembolehubah Kajian

Pembolehubah	Soalan	Nilai soalan	Bil Soalan	Nilai Cronbac Alpha
Kemahiran Komunikasi	Mampu menyuarakan idea dengan jelas secara lisan.	0.79	5	0.95
	Mampu menyuarakan idea dengan jelas secara bertulis	0.80		
	Berupaya membuat pendengar memahami apa yang hendak disampaikan.	0.89		
	Berkebolehan untuk membuat pembentangan di khalayak ramai.	0.86		
	Berkebolehan untuk berbincang bagi mencapai persetujuan.	0.92		
Kemahiran kerja Berpasukan	Berkebolehan bekerja secara efektif dengan ahli kumpulan.	0.93	5	0.96
	Berkebolehan menyelesaikan konflik antara ahli pasukan.	0.88		
	Boleh berbincang dan membuat keputusan secara bersama dengan ahli kumpulan.	0.82		
	Boleh menerima ritikan yang membina oleh rakan sekumpulan.	0.82		
	Berkebolehan menghormati sikap dan kelakuan orang lain.	0.89		
Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaina Masalah	Boleh membuat keputusan yang tidak mengikut emosi.	0.90	5	0.95
	Boleh memilih penyelesaian alternatif terbaik.	0.91		
	Mampu memahami masalah yang terjadi.	0.94		
	Dapat berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah.	0.89		
	Mampu melaksanakan penyelesaian yang dibuat	0.89		
Kepimpinan	Boleh menjadi ketua dalam sesuatu aktiviti atau program dengan baik.	0.92	5	0.95
	Boleh mempengaruhi orang bawahan.	0.88		
	Dapat mengurus orang bawahan dengan baik.	0.90		
	Mengetahui tugas sebagai ketua dalam sesuatu aktiviti atau program.	0.85		
	Menghormati orang bawahan.	0.89		
Etika dan Moral Profesional	Melaksanakan sesuatu tugas dengan beretika.	0.85	5	0.96
	Dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri.	0.95		
	Mengelakkan diri daripada terjebak gejala sosial.	0.89		
	Dapat menyelesaikan masalah berkaitan etika.	0.92		
	Mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.	0.94		

JADUAL 6: Korelasi antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran komunikasi pelajar.

	Penglibatan	Komunikasi
Pearson Correlation	1	0.925**
Sig. (2-tailed)		.0001
N	120	120

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

JADUAL 7: Korelasi antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran kerja berpasukan pelajar

	Penglibatan	Kerja Berpasukan
Pearson Correlation	1	0.560**
Sig. (2-tailed)		.0001
N	120	120

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

JADUAL 8: Korelasi antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah pelajar.

	Penglibatan	Pemikiran kritis & Penyelesaian Masalah
Pearson Correlation	1	0.804**
Sig. (2-tailed)		.0001
N	120	120

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

H4: Terdapat perkaitan yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran kepimpinan dalam diri pelajar.

Daripada analisa korelasi di antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran kepimpinan adalah signifikan ($r = .694$; $p < .05$). Keputusan korelasi dalam jadual 9 menunjukkan bahawa terdapat satu hubungan yang signifikan

positif di antara kedua pembolehubah iaitu skor penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan skor pembentukan kemahiran kepimpinan. Dapatan ini selaras dengan kajian Helen M. Gunter (2001) berkaitan kemahiran memimpin daripada kegiatan kokurikulum di mana beliau menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar.

JADUAL 9: Korelasi antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran kepimpinan pelajar.

	Penglibatan	Kepimpinan
Pearson Correlation	1	0.694**
Sig. (2-tailed)		.0001
N	120	120

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

H5: Terdapat perkaitan yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan etika dan moral profesional dalam diri pelajar.

Korelasi di antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan etika dan moral profesional adalah signifikan ($r = .665$; $p < .05$). Keputusan korelasi dalam jadual 10 menunjukkan

bahawa terdapat satu hubungan yang signifikan positif di antara kedua pembolehubah iaitu skor penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan skor pembentukan etika dan moral profesional. Menurut Abdul Alim (1999), aktiviti kokurikulum mampu mendidik pelajar untuk berdisiplin dalam penampilan diri melalui aktiviti badan beruniform seperti Pasukan Pengakap.

JADUAL 10: Korelasi antara penglibatan pelajar dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran etika dan moral professional pelajar.

	Penglibatan	Etika dan moral
Pearson Correlation	1	0.665**
Sig. (2-tailed)		.0001
N	120	120

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

PERBINCANGAN

Mutu sistem pendidikan negara masa kini akan menentukan bentuk modal insan yang akan lahir pada masa hadapan. Pengaruh global yang semakin berleluasan menjadikan persaingan modal insan dalam sektor pekerjaan semakin kompetitif pada masa kini, apatah lagi pada masa hadapan. Kebolehpasaran pelajar pada masa kini untuk bidang pekerjaan bukan sahaja bergantung kepada kepintaran akal mereka sahaja malah perlu ada kepintaran emosi dan kepelbagaian kemahiran yang lain. Antara kemahiran yang semakin dititik beratkan pada masa kini ialah kemahiran insaniah. Justeru kajian ini adalah bagi melihat sejauh mana penglibatan pelajar dalam aktiviti badan beruniform di kampus dapat menyumbang kepada peningkatan

kemahiran insaniah mereka. Masih kurang kajian yang meneliti dari aspek ini dalam kajian-kajian yang lepas.

Objektif pertama kajian ini adalah mengenalpasti faktor-faktor penyumbang kepada penyertaan pelajar dalam badan-badan beruniform di kampus. Kajian mendapati terdapat tujuh faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menyertai badan beruniform. Faktor pertama yang paling mempengaruhi pelajar menyertai badan beruniform adalah bagi membentuk kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Hal ini kerana aktiviti-aktiviti dalam badan beruniform ini akan menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah yang diperlukan pelajar seperti komunikasi, kepimpinan, disiplin, mematuhi arahan dan peraturan, kerjasama berpasukan dan lain-lain lagi dalam suasana yang lebih sistematik dan tersusun

melalui aktiviti yang dijalankan. Faktor kedua yang mempengaruhi pelajar adalah faktor untuk meningkatkan disiplin diri. Responden menyatakan setuju bahawa mereka menyertai badan beruniform adalah untuk meningkatkan disiplin diri. Pelajar akan diajar untuk lebih berdisiplin melalui pemakaian, penampilan diri dan ketepatan masa apabila menyertai badan beruniform. Faktor ketiga pula adalah berkaitan minat pelajar terhadap badan beruniform. Hal ini kerana kebanyakan mereka pernah terlibat dengan badan beruniform semasa mereka di alam persekolahan. Seterusnya, faktor keempat adalah pelajar menyertai badan beruniform untuk mengisi masa lapang. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar menyertai badan beruniform adalah untuk mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti berfaedah. Faktor kelima adalah kerana pelajar yang menyertai badan beruniform akan diberikan elaun. Elaun tersebut dapat digunakan bagi menampung sara hidup mereka di universiti terutamanya bagi pelajar yang belajar bergantung sepenuhnya kewangan daripada keluarga. Faktor keenam yang mempengaruhi pelajar adalah pengaruh rakan-rakan untuk menyertai badan beruniform. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka menyertai badan beruniform kerana pengaruh rakan-rakan yang mengajak mereka untuk menyertai badan beruniform. Faktor yang terakhir adalah pengaruh keluarga yang mendorong pelajar menyertai badan beruniform. Bilangan responden yang menjawab tidak setuju adalah lebih ramai daripada responden yang menjawab setuju untuk faktor ini iaitu seramai 45 orang responden menjawab tidak setuju. Manakala, hanya 45 orang responden yang menjawab setuju. Hal ini kerana mereka menyertai badan beruniform atas faktor lain. Bagi pelajar yang menjawab setuju mungkin kerana terdapat ahli keluarga mereka yang kerja atau pernah terlibat dengan badan beruniform yang menyebabkan mereka terpengaruh terhadap keluarga mereka.

Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan yang positif di antara penglibatan pelajar dengan badan beruniform di kampus dengan beberapa kemahiran insaniah. Antara kemahiran insaniah yang boleh dibentuk melalui penglibatan yang aktif dan berterusan dalam badan-badan beruniform ini adalah i) kemahiran berkomunikasi; ii) kemahiran kerja berpasukan; iii) kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah; iv) kepimpinan dan v) membentuk etika dan moral profesional pelajar. Ini adalah kerana badan beruniform biasa merangkumi tempoh masa penglibatan yang lama dan berterusan sepanjang pengajian pelajar iaitu antara 3 hingga 4 tahun berbanding dengan aktiviti kokurikulum yang lain yang kebanyakan sekadar memenuhi jam kredit pelajar untuk satu atau dua semester. Aktiviti badan beruniform ini biasa memerlukan kemahiran

dari segi teori dan praktikal berdasarkan peraturan-peraturan yang digariskan oleh badan-badan beruniform terbabit. Di sini pelajar diterapkan dari aspek etika dan moral dalam melakukan sesuatu sepertimana etika yang digariskan untuk badan-badan profesional yang lain. Biasanya dari aspek disiplin dan latihan adalah hampir sama kerana mereka dilatih oleh jurulatih-jurulatih yang memang datang dari bidang profesion tersebut sama ada dari askar dan juga polis. Aktiviti yang dilakukan biasanya memerlukan kerjasama berpasukan. Lantikan membuat keputusan dan merangka strategi juga diterapkan sepanjang latihan di mana kesilapan dalam merangka keputusan dan strategi mungkin akan mengakibatkan nyawa melayang dan boleh menyebabkan negara tergadai di tangan musuh. Latihan sebegini dapat menjadikan mereka lebih kritis dan kreatif dalam membuat keputusan. Kesimpulan semua aspek kemahiran insan yang dinyatakan mampu diterapkan melalui penyertaan mereka dalam badan beruniform.

KESIMPULAN

Kajian ini membawa satu penemuan yang penting tentang kaitan faktor-faktor pembinaan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa mahasiswi UKM. Kajian juga membuktikan dan mengesahkan dapatan daripada kajian-kajian lepas bahawa penyertaan pelajar dalam badan beruniform dapat membentuk kemahiran insaniah pelajar dengan berkesan. Ini terbukti dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam badan beruniform sememangnya menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Disamping itu, personaliti dan keterampilan diri pelajar juga dapat dibentuk dengan menyertai badan beruniform. Oleh itu, dengan menyertai badan beruniform, universiti dapat melahirkan modal insan yang mempunyai personaliti yang baik serta menjadikan mereka mempunyai kompetensi-kompetensi yang pelbagai yang amat-amat diperlukan dalam pasaran kerja sangat kompetitif pada masa kini.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. (2003). "Gelagat Organisasi: Teori, Isu dan Aplikasi". Petaling Jaya. PrenticeHall.
- Ab. Alim, A. R. (1999). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-5
- Alhabshi, S. O. (2009). Mengamalkan Budaya Kerja Berpasukan Yang Komited Dan Bermotivasi. *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. 9(2), 38-44.
- Bahrin, K., Elias, S. & Abd. Hamid, O. (2003). *Kajian Kesedaran dan Pengamalan Etika Perniagaan*

- Mengikut Perspektif Islam*. Universiti Teknologi Mara: Degree's Thesis.
- Berscheid, E. (1994). Interpersonal relationships. *Annual Review of Psychology*, 45, 79-129.
- Bidin, Y. H. (2007). Positioning Knowledge Management as Key Success Factor in The Growth of Cooperatives In Malaysia. *Asian Academy of Management Journal*, 12(1), 69-82.
- Buntat, Y., & Hassan, M. S. (2010). *Kemahiran Komunikasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar: Satu Tinjauan Di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Deborah Hopen (2002). "Guiding Corporate Behaviour : A Leadership Obligation, Not a Choice." Volume 1. hlmn 15-19.
- Ee, A. M. (1996). *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan (Semester 1)*. Siri Diploma Pendidikan. Shah Alam: Fajar Bakti
- Ensiklopedia Global, Edisi Milinium, Jilid 18, Kamus A - K (2001). Kuala Lumpur: SmartGenie Corporation Sdn. Bhd..
- Esa, A. and Jamaludin, H. (2009). *Peranan kokurikulum di universiti dalam membentuk keterampilan mahasiswa*. Dalam: International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009 (ICTLHE09), 23-25 November 2009, Kuala Lumpur.
- Eunson, B. (2007). *Communication in the workplace*. First Published. Australia: John Wiley & Sons.
- Fisher, A., Scriven, M. (1997). *Critical thinking: Its definition and assessment*. Point Reyes, CA: Edgepress.
- Fiske, J. (1990). *Introduction to communication studies* (2nd ed). London: Routledge.
- Foofi, F. S. (2005). *Etika perguruan jaminan peningkatan profesional*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Gallie, D., Zhou, Y., Felstead, A., & Green, F. (2012). *Teamwork, Skill Development and Employee Welfare*. *British Journal of Industrial Relations*, 6(9), 78 - 88.
- Gardner, C. T., Milne, M. J., Stringer, C. P. & Whiting, R. H. (2005). Oral and written communication apprehension in accounting students: Curriculum Impacts and Impacts on Academic Performance. *Accounting Education*, 14 (3), 313-36.
- Gary Yukl (2001). "Leadership In Organizations" <http://www.ncsl.org.uk/media-F7B-97-randd-leaders-business-yukl.pdf>. Dicapai pada 15 September 2008.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L, and Black, W. C. (1998). *Multivariate Data Analysis* (5th Ed). New Jersey: Prentice Hall International, Inc.
- Hassan, A. & Mohd, A. (2000). *Komunikasi Untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan, Z., Silong, A. D. & Muslim, N. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 10 . pp. 39-52.
- Helen M. Gunter (2001). "Leaders and Leadership in Education." London : Paul Chapman Publishing.
- Hizam, Jaafar dan Zafir. (2000). "Pengantar Pengurusan. Kuala Lumpur". Leeds Publications.
- Idris, M. S., Sikor, A., Mohd Ariff, S. Z., Mustafa, M. Z., Madar, A. R., & Md. Ariffin, L. (2008). *Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Idris, R., Ariffin, S. R., & Mohd Ishak, N. (2009). *Pengaruh kemahiran generik dalam kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar*
- Imel, S. (1999). "Work Force Education: Beyond Technical Skills." The Ohio State University.
- Johari, M. J. (2001). *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin Hj Husin. (2003). *Kemahiran berfikir dan berkomunikasi*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamri, N. A. (2008). Kefahaman dan Sambutan Terhadap Kod Etika Islam: Pengalaman Tabung Haji. *Jurnal Syariah Jil. 16(1)*, 145-162.
- Kearns, P. (2001). *Generic Skills for the New Economy*. Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd..
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*. 30(3).
- Lekic, S., Bogetic, S., & Randic, D. (2011). The Influence of Teams and Team Work on Competitiveness of Enterprises. *International Symposium Engineering Management And Competitiveness*. Serbia: Belgrade Business School. pp. 2-11.
- Lowe, H. & Cook, A. (2003). Mind the gap: Are students prepared for higher education? *Journal of Further and Higher Education*, 27(1), 53-76.
- Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan dan Penilaian Kemahiran Insaniah dalam Mata Pelajaran Kokurikulum di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mat Assain @ Hashim, F. & Mat Safar, H. (2011). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan*.
- Megat Zakaria, M. A. Z. (2007). *Hubungan antara kemahiran generik dengan jantina, pengkhususan dan pencapaian guru-guru pelatih UTM: Satu Tinjauan*.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh, A., Kamaruddin, M. I., Abu Bakar, Z., Ibrahim, M. A., Megat Zakaria, M. A. Z. & Bunyamin, M. A. H. (2010). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM*. Kertas Institusi. Fakulti Pendidikan, UTM.
- Mohktar, S., Mustafa, S. dan Muhamad, W. M. M. W. (1999). *Kajian Mengenai Penglibatan dalam Kokurikulum ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar di Institut Teknologi Tun Hussein*

- Onn: *Kajian Kes*. Tesis. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Murphy, R. (2001). *A Briefing on key skills in higher education*. University of Nottingham.
- Musa, M., & Esa, A. (2011). *Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM*. *Journal of Techno-Social*, 1(1).
- Price, J. L. (1997). Handbook of organizational measurement. *International Journal of Manpower*, 18, (4/5/6), 305-558.
- Rogers, E. M. (1995). Diffusion of innovation. New York: FreePress. In Johnson, S. E., & Graber, B. E., *Enlisting the socialsciences in decisions about dam removal*. *Bioscience*, 52 (8).
- Saadon, R., Bokhari, M., Yahya, Aziz, Rajikon, M. A. N., Hassan, S. N. S., & Pilus, A. M. (2011). Keberkesanan Kursus Kokurikulum Berkredit Dalam Memperkasakan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *ISSN: 1985-7012*. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka. pp. 109-111.
- Sharifah Meriam Bt. Syed Akil (2007). "Cabaran Kepimpinan Kokurikulum." Universiti Industri Selangor.
- Trueman, M., & Hartley, J. (1996). A Comparison between the time-management skills and academic performance of mature and traditional-entry university students. *Higher Education* 32(2), 199-215.
- Tuckman, B.W. (1999), *Conducting Educational Research*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Wiersma, W. (1995), *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston Allyn and Bacon
- Yahya Don (2005). *Kepimpinan Pendidikan Di Malaysia*. Batu Caves Selangor. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Young, A., & Perrew, P. (2004). The role of expectations in mentoring exchange: An analysis of mentor and protégé expectations in relations to perceived support. *Journal of Managerial Issues*, XVI, 103-126.

Norazila Mat (Dr)
 Pusat Pengajian Pengurusan,
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor.
 E-mel: norazila@ukm.edu.my

Muhammad Syaif Noordin
 Pusat Pengajian Pengurusan,
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor.

Nur Atiqah Abdullah (Dr)
 Pusat Pengajian Pengurusan,
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor.
 E-mel: atiq@ukm.edu.my

Nazri Muslim (Prof Madya Dr)
 Pusat Citra Universiti,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor.
 E-mel: nazrim@ukm.edu.my

Jamsari Alias (Dr)
 Pusat Citra Universiti,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor.
 E-mel: jamsari@ukm.edu.my